

# ATIP 2007 bantu basmi isu pemerdagangan orang

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 01-03-2012 A5

KOTA KINABALU: Sejak Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP) diperkenalkan, kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang disenaraikan hitam berubah ke tahap dua pada Jun 2010.

Sebelum ini, negara Amerika Syarikat meletakkan kedudukan Malaysia pada tahap tiga dalam 'watch list' yang melibatkan kes pemerdagangan orang.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur berkata, pengenalan ATIP sedikit sebanyak membuka laluan dalam membasmi dan mencegah isu berkenaan.

Menurutnya, usaha penangkapan, pendakwaan dan perlindungan dapat dijalankan dengan lebih berkesan mengikut garis panduan perlindungan antarabangsa.

"Walaupun sejarah isu pemerdagangan orang telah lama berlaku dari segi ketamadunan manusia. Namun, perkembangan kemajuan dunia memberi peluang kepada golongan yang suka mengambil kesempatan terhadap kelemahan manusia lain.

"Penyalahgunaan perkembangan pesat teknologi memberikan kesan negatif kepada masyarakat dalam jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Kempen Kesedaran Mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Institut Pengajian



MAT SALLEH (kiri) menyampaikan cenderahati kepada para penceramah sempena kempen itu sambil diperhatikan oleh Azizah (kanan).

Tinggi Awam (IPTA) di sini kelmarin. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan UMS, Mat Salleh Ayub.

Kempen itu dijulang bersama Sekretariat Majlis Timbalan Naib Canselor Hepa UMS, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya UMS, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Majlis Timbalan Dekan Hepa UMS, dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kasim berkata, dalam konteks komuniti universiti, para mahasiswa perlu diperjelaskan tentang isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

Katanya, golongan akademik perlu lebih kreatif mendalamai isu jenayah terbabit dari aspek faktor

yang memudahkan rakyat terpedaya dan mencari jalan penyelesaian yang lebih efektif.

"Kita amat berbanggakera kerajaan menguatkuasakan kaedah sistem Biometrik melalui Jabatan Imigresen bagi tujuan pemantauan terhadap warga asing yang memasuki negara ini."

"Namun, walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai mekanisme untuk membendung jenayah ini, kelembapan ekonomi dan kelemahan negara asal mangsa menyebabkan mereka mudah terpedaya oleh sindiket berkenaan," katanya.

Justeru, beliau menyeru orang awam memberikan kerjasama maksimum kepada agensi penguatkuasa untuk mempertingkatkan lagi usaha dalam membendung jenayah

pemerdagangan orang.

Tambahnya, kerjasama daripada semua pihak mampu menjaga kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara.

Sementara itu, Felo Penyelidik Utama Ikmas, Prof Dr Azizah Kassim berkata, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan seramai 600,000 hingga 800,000 orang menjadi mangsa pemerdagangan setiap tahun.

Katanya, dari aspek penyeludupan di Malaysia ia lebih banyak memainkan peranan sebagai negara penerima dan transit.

Namun begitu jelasnya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini Malaysia mula menjadi negara sumber.

Sehubungan itu, beliau berkata, Majlis

Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Mapo) berusaha untuk mengatasi masalah itu dengan menjalankan pelbagai kempen kesedaran.

Azizah yang juga Ketua Projek dan ahli Mapo ini berkata, majlis itu dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kempen kesedaran terhadap mahasiswa IPTA.

"Penting bagi para mahasiswa untuk memahami masalah yang melibatkan masyarakat umum dan seterusnya berusaha mendokong usaha kerajaan membanteras aktiviti pemerdagangan orang," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Timbalan Dekan Hepa UMS, Prof Madya Dr Mohd Dahlan A. Malek.